

**PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN
BAHAGIAN PENGAJIAN LINGUISTIK BAHASA MALAYSIA
SEMESTER 2 SIDANG AKADEMIK 2019/2020**

HMT314/4: PRAGMATIK

LATIHAN TUTORIAL 2ii

PENSYARAH : DR. ANISWAL ABD GHANI

Tugasan ini diserah untuk memenuhi keperluan kursus **HMT 314/4 PRAGMATIK**. Kami yang disenaraikan di bawah dengan ini mengaku bahawa tugasan yang diserahkan ini merupakan hasil kerja kami dan sebarang rujukan telah dilakukan seperti yang sepatutnya mengikut peraturan membuat rujukan ilmiah. Hakcipta terpelihara. Kami izinkan sebarang kandungan khususnya transkrip digunakan untuk tujuan ilmiah. Disediakan oleh:

	NAMA : AIDA SYAFIZA BINTI MOHD ZAKI NO. MATRIK : 136329 NO. KP : 971126-11-5148 NO. TEL : 019 696 1833 EMAIL : aidazaki2611@gmail.com
	NAMA :AINUR SYAHIRA BINTI M ABD RAZAK NO. MATRIK : 136334 NO. KP : 970526-01-5336 NO. TEL : 017 792 9882 EMAIL : ruiarazak@gmail.com
	NAMA : CELINE BINTI RAYA NO. MATRIK : 136346 NO. KP : 970216-13-6562 NO. TEL : 014 883 1448 EMAIL : rayaceline132@gmail.com
	NAMA : NURASYIKIN BINTI JAWAD NO. MATRIK : 136467 NO. KP : 970308-0105960 NO. TEL : 017 7954934 EMAIL : syikinjawad97@gmail.com
	NAMA : VANESSA GANIN ANAK LIMAN NO. MATRIK : 136511 NO. KP : 970213-13-5628 NO. TEL : 017 320 9644 EMAIL : vanessaganinn13@gmail.com

ULASAN PENSYARAH :

JAWAPAN :

1) [i] **Definisi lakuan ilokusionari** : Menurut Huang, lakuan ilokusionari merujuk jenis fungsi yang berhasrat untuk dipenuhi oleh penutur, atau jenis lakuan yang ingin dicapai oleh penutur dalam mengeluarkan sesuatu ujaran. Menurut Mukhlis (2002), perlakuan ilokusionari (ilokusi) merupakan ujaran yang membawa maksud dan ada kuasa konvesyen tertentu iaitu perlakuan ini disengajakan oleh penutur dan dalam kawalannya. Ilokusionari juga boleh berlaku apabila ayat yang sama diujarkan oleh penutur yang berlainan dalam situasi yang berlainan untuk tujuan yang berlainan demi melakukan perlakuan ilokusionari yang berlainan. **Contoh situasi** :

a) **Ujaran : Panas betul bilik tutorial ini.**

Konteks : Seorang pelajar A mengujarkannya kepada pelajar lain yang berada di dalam bilik tutorial tersebut ketika sedang menunggu pensyarah mereka datang dan memulakan sesi pembelajaran. Ilokusionari pelajar A adalah untuk meminta pendengar supaya memasang kipas atau pendingin hawa. Ujaran itu adalah untuk meminta sesuatu. **[Aida Syafiza]**

b) **Ujaran : Jauh betul kelas hari ini.**

Konteks : Pelajar B mengujarkan kepada rakannya yang sedang memanaskan enjin motor di kawasan parkir desasiswa untuk ke kelas. Ilokusionari pelajar B adalah hendak menumpang motor rakannya untuk ke kelas. Ujaran itu adalah untuk meminta sesuatu. **[Ainur Syahira]**

c) **Ujaran : Keringnya tekak saya.**

Konteks : Ayah mengujarkan kepada ibu di ruang tamu bahawa tekaknya kering. Ujaran ayah tersebut adalah untuk meminta ibu mengambil segelas air untuk diminumnya. Ujaran itu adalah untuk meminta sesuatu. **[Celine]**

d) **Ujaran : Sudah berhabuk bilik ini.**

Konteks : Pelajar A mengujarkan kepada pelajar B yang merupakan rakan sebiliknya bahawa bilik mereka sudah berhabuk. Ilokusionari pelajar A adalah untuk meminta pertolongan daripada rakan sebiliknya pelajar B untuk membersihkan bilik mereka. Ujaran itu adalah untuk meminta sesuatu. **[Nurasyikin]**

e) **Ujaran : Mak, hari nak hujan.**

Konteks : Adik mengujarkannya kepada mak sambil membawa sebahagian daripada kain jemuran yang sudah diangkatnya ketika dia baru pulang dari sekolah. Adik mengujarkannya kerana dia hendak mak menolongnya mengangkat kain jemuran yang masih ada di luar rumah. **[Vanessa]**

[ii] **Definisi lakuan perlokusionari** : Menurut Mukhlis (2002), perlakuan perlokusionari ialah kesan terhadap pendengar tentang apa yang diujarkan oleh seorang penutur dan perlakuan ini tidak selalunya dalam kawalan penutur. Menurut Austin (1962), lakuan tindak balas pengucapan (Perlocutionary Act), iaitu kesan sebenar ujaran penutur kepada pendengar, misalnya menakutkan pendengar, menyebabkan pendengar melakukan sesuatu dan sebagainya. **Contoh Situasi** :

a) **Ujaran : Panas betul bilik tutorial ini.**

Konteks : Seorang pelajar A mengujarkannya ketika berada di dalam bilik tutorial semasa menunggu kehadiran pensyarahnya untuk memulakan sesi tutorial. Ujaran tersebut dilakukan dengan harapan ada pendengar yang yakin bahawa bilik tutorial itu sememangnya panas. Ujaran itu adalah pernyataan fakta. **[Aida Syafiza]**

b) **Ujaran: Jauh betul kelas hari ini.**

Konteks : Pelajar B mengujarkannya ketika baru keluar daripada blok desasiswa semasa hendak ke kelas yang agak jauh lokasinya. Ujaran tersebut berlaku di kawasan parkir desasiswa di mana ada rakan pelajar B yang sedang memanaskan enjin motornya. Ujaran tersebut diujarkan

dengan harapan rakannya itu akan menumpangkannya ke kelas. Ujaran itu adalah pernyataan fakta.
[Ainur Syahira]

c) Ujaran : Keringnya tekak saya.

Konteks : Ayah mengujarkannya kepada ibu bahawa tekaknya betul-betul kering dan sakit. Ujaran itu adalah pernyataan fakta.
[Celine]

d) Ujaran : Sudah berhabuk bilik ini.

Konteks : Pelajar A mengujarkan ujaran tersebut kepada pelajar B yang merupakan rakan sebiliknya bahawa bilik mereka sudah berhabuk. Pelajar A mengujarkan ujaran tersebut sebelum pergi ke kelas. Ujaran tersebut adalah untuk memberitahu pelajar B bahawa bilik mereka sudah berhabuk. Ujaran itu adalah penyertaan fakta.
[Nurasyikin]

e) Ujaran : Ayah, kasut jenis ini memang tahan lama.

Konteks : Abang mengujarkannya kepada ayah sambil memegang kasut berjenama Adidas ketika sedang berada dalam kedai kasut. Abang mengujarkannya dengan harapan ayah mahu membelikannya kasut itu walaupun harganya agak mahal.
[Vanessa]

[iii] **Definisi lakuan lokusionari :** Menurut Mukhlis (2000), lakuan lokusionari adalah perlakuan yang menyatakan sesuatu iaitu merujuk kepada ujaran ayat-ayat dalam sesuatu bahasa. Menurut Austin (1962) yang dipetik oleh Fenty Debora Napitupulu (2014) dalam artikelnya yang bertajuk The Speech Acts of Marhusip (A Case Study of Pre-Wedding Conversation of Toba Batak Society), lokusionari ini merupakan gerak laku menuturkan satu-satu ayat dengan makna tertentu, yakni lakuan tersebut mempunyai matlamat ujaran, fungsi dan tujuan yang dihajatkan. **Contoh Situasi :**

a) Ujaran : Aku kepanasan.

Konteks : Pelajar A mengujarkannya kepada seorang pelajar B ketika berada di dalam dewan kuliah yang mengalami masalah kerosakkan pendingin hawa. Ujaran tersebut adalah untuk menyatakan penutur benar-benar kepanasan kerana sudah setengah jam kuliah berlalu tanpa pendingin hawa. Ujaran itu hanya pernyataan fakta.
[Aida Syafiza]

b) Ujaran : Aku penatlah.

Konteks : Pelajar B mengujarkannya kepada rakannya ketika berada di parkir motor desasiswa kerana lokasi kuliah agak jauh daripada desasiswanya. Ujaran tersebut adalah untuk menyatakan bahawa penutur penat untuk berjalan jauh. Ujaran itu hanya pernyataan fakta.
[Ainur Syahira]

c) Ujaran : Aku lelahlah hidup begini.

Konteks : Seorang anak mengujarkannya kepada ibunya untuk menzahirkan rasa kecewa dan sedih yang ada dalam dirinya . Kemungkinan penutur juga menghadapi kegagalan terhadap apa yang dilakukan olehnya. Ujaran penutur itu adalah pernyataan fakta.
[Celine]

d) Ujaran: Aku bosan.

Konteks : Pelajar A mengujarkan ujaran tersebut kepada pelajar B pada cuti hujung minggu. Pelajar A mengujarkan ujaran tersebut kerana tiada aktiviti yang dilakukan pada cuti hujung minggu. Ujaran tersebut diujarkan untuk menyatakan bahawa pelajar A bosan tanpa melakukan apa-apa aktiviti sehari-hari.
[Nurasyikin]

e) Ujaran : Saya rasa panas dan berpeluh.

Konteks : Aira mengujarkannya kepada Nina selepas mereka berdua selesai mengemas bilik di desasiswa pada waktu pagi. Aira mengujarkannya kerana dia hendak memberitahu Nina bahawa dia sudah selesai mengemas, maka dia ingin mandi untuk membersihkan diri.
[Vanessa]

RUJUKAN

Norhasliza Ramli, Norfazila Ab. Hamid & Riduan Makhtar. Lakuan Tuturan Ilokusi dan Perlokusi dalam Penamaan Wifi : Satu Pemerhatian. *Journal of Sosial Sciences and Humanities*, vol. 16(2) , 1-9.

Suraiya Chapakiya. (2014). *Asas Linguistik*. Batu Caves, Selangor : PTS Akademia.

Yan Huang. (2015). *Pragmatik (Puteri Roslina Abdul Wahid, Trans)*. Kuala Lumpur : Institut Terjemahan & Buku Malaysia.